

Pembangunan Taman Herba Melalui FOMMUNITY

Oleh: Noor Sofriana Mohd. Yusof/BIL 1 TAHUN 2013



ADUN N13 Inanam, Datuk Johnny Goh bersama-sama dengan jemutan lain yang turut serta menjayakan FOMMUNITY

AHAD, 2 MAC - Persatuan Mahasiswa Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (PMSPTA), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melancarkan program Forest Community (FOMMUNITY) atas kerjasama dengan S.K. Poring-Poring, Inanam, selama dua hari bermula 1 Mac 2013.

Program ini telah dirasmikan oleh ADUN N13 Inanam, Datuk Johnny Goh, disamping tetamu yang turut hadir iaitu Dekan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA) dan Timbalannya, Dr. Normah Awang Besar @ Raffie dan Dr. Phua Mui How.

Menerusi program ini, sebuah taman

herba telah berjaya diwujudkan di S.K. Poring-Poring melalui aktiviti penanaman pokok-pokok herba.

Antara pokok herba yang ditanam ialah seperti lengkuas (*Alpinia galangal*), Misai kucing (*Orthosiphon aristatus*), Hempedu bumi (*Andrographis paniculata*) yang mana bukan sahaja berguna untuk mencantikkan taman herba tersebut, malahan para pelajar sekolah tersebut juga dapat mempelajari dan menghargai sumber alam yang ada.

“Program ini dibahagikan kepada beberapa fasa dan ini merupakan fasa pertama dimana kami hanya memperkenalkan jenis-jenis herba anak

benih yang telah ditanam di S.K. Poring-Poring.

Kami bercadang untuk merekabentuk landskap, pada fasa yang akan datang. Harapan kami agar program ini akan berlanjutan dan berharap S.K. Poring-Poring dapat mempertahankan tanaman herba tersebut pada masa akan datang,” menurut Pengarah Program, Vivianne Paul iaitu pelajar Tahun 2 UMS, dari Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA).